



19



Kerajaan Negeri Pahang

@pahang.gov · Laman Web Kerajaan

■ Hantar Mesej

Hai! Sila beritahu kami bagaimana kami boleh membantu.

Halaman Utama

Gambar

Lagi ▾

Like



Kerajaan Negeri Pahang

13 September 2019 · 🌐



ASAL KUANTAN DARI SUMATERA ?
WUJUD SEJAK 1850'.

Bandar kuantan merupakan sebuah kampung kecil asalnya yang didirikan berhampiran Sungai Kuantan dan mengadap Laut China Selatan.

Pada asalnya, Pusat pentadbiran Negeri Pahang berada di Kuala Lipis yang kemudiannya dipindahkan ke Kuantan pada tahun 1976.

Kuantan diyakini telah wujud sejak awal tahun 1850-an lagi. Kewujudannya pada kurun ke-19 bermula sebagai sebuah penempatan kecil orang Melayu.

Kewujudan kampung itu (Kuantan) pernah disentuh oleh Abdullah Abdul Kadir Munshi atau lebih dikenali sebagai Abdullah Munshi (beliau pernah dinobatkan sebagai Bapa Sastera Melayu oleh British) dimana dalam tahun 1851/52 beliau menulis dan berkata yang berbunyi begini,"

" Hatta pada malam Khamis datanglah sebuah perahu kecil dari Kuantan. Maka berkhabarlah ia kepada anak-anak perahu mengatakan





19

Pada peringkat awal, Kuantan lebih dikenali dengan nama Kampung Teruntum. Penempatannya adalah di sekitar muara Sungai Kuantan iaitu berhadapan bangunan hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) kini.

Mengikut catatan sejarah, Kampung Teruntum dibuka oleh Haji Senik (orang asal Kuantan) dan pengikut-pengikutnya dalam tahun 1850an selepas menghantar rombongan Syed Abdul Rahman Syed Abdul Samad (ahli tasauf berketurunan Arab dari Daik, Indonesia) ke Johor.

Nama Teruntum pula dikatakan berasal dari pokok Teruntum yang sememangnya banyak terdapat di pinggir Sungai Kuantan pada ketika itu.

Penduduk Kuantan ketika itu hanya mengusahakan kawasan paya yang terletak di tapak hospital (HTAA) sekarang disamping menangkap ikan, bercucuk tanam dan berniaga secara kecil-kecilan.

Bukti penduduk asal menjadikan kawasan tersebut sebagai sebuah penempatan ialah penemuan kubur Cik Timah berhampiran Taman Esplanade (kini hadapan HTAA).

Turut dikisahkan juga, terdapat sebuah perkampungan di hulu Kampung Teruntum yang dibuka pada tahun 1854 oleh orang Melayu dari sebuah daerah bernama "Kuantan" di Sumatera yang diketuai oleh Encik Besar.

Tempat ini kemudiannya dikenali dengan nama Kampung Orang Kuantan dan lama kelamaan panggilan ini dipendekkan kepada perkataan "Kuantan" sehingga kini.

-Sumber daripada FB Kuantan.

-Sebahagian foto lama dan baru Bandar Kuantan.

Disediakan Unit Komunikasi & Media Pahang.

[#KerajaanNegeriPahang](#)

[#UKOMP](#)

[#Pahangku](#)

[#MajuTerusPahang](#)

[#Pahang1st](#)





19



+9

You dan 165 others

11 Comments 70 Shares

Like

Comment

Share

Paling berkaitan



Tulis komen...



Dian Aurisyah
Siapakah cik Timah??
Ank Haji senik??
Ank Tuan kechik??... **Lihat Lagi**

Like Reply 1t



Wan Johari
Admin boleh saya tau mengenai kubor cik timah ni sape,
yakni sejarah beliau?

Like Reply 1t



Mohd Rashdi Adam
Salah tu 1956

Like Reply 2t



Ady Zainal
Haikal mung kene tahu

Like Reply 2t



1 Reply



Rosli Sias
Betulakah pusat pentadbiran Phg ditukar dari K. Lipis ke
Kuantan pd thn 1976? Atau lebih awal dari itu. Mohon
pencerahan tuan.

Like Reply 2t Edited



Mohd Nur Aswad Muda
Pengisytiharan Kuantan sebagai Ibu Negeri Pahang
telah diadakan pada tahun 1955. Pusat pentadbiran
telah berpindah dari kuala lipis sejak dari 1976.

Like Reply 2t

